

# Madu asli rawat luka dua minggu

Rawatan terhadap 102 pesakit sebagai sampel kajian penyelidikan Pusat Perubatan Universiti Malaya capai kejayaan 100 peratus

Oleh Mona Ahmad

**M**ADU adalah rawatan perubatan kuno yang sudah digunakan sejak beberapa abad lalu untuk merawat ulser, penglupasan, jangkitan di mata, tekak dan menyembuhkan luka akibat terkena peluru.

*"Dan Tuhanmu mewahyukan kepada lebah buatlah sarang di gunung, di pohon dan dari apa yang di rikan. Kemudian makanlah dari tiap buah-buahan, lalu tempuhlah jalan Tuhanmu dengan merendahkan diri.*

*"Dari perutnya (lebah) keluar minuman (madu) yang bermacam-macam warnanya, didalamnya (terdapat) ubat bagi manusia. Sesungguhnya pada yang demikian itu (terdapat) tanda-tanda kekuasaan Allah (kekuasaan Allah) bagi kaum yang memikirkannya. (Surah Nahl: Ayat 68-69)*

Berdasarkan ayat al-Quran itu, sekumpulan penyelidik Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) merawat pesakit yang mengalami masalah luka akibat kemalangan, kecederaan akibat tetakan, kebakaran dan luka akibat kencing manis.

Menerusi kajian yang dikenali sebagai Penggunaan Madu dalam Pengurusan Luka: Pemerhatian Klinikal, sekumpulan penyelidik yang terdiri daripada Dr Anwar Suhaimi, Prof Dr Kamaruddin M Yusoff, Zainabe Syed Akka dan Dr Farizah Hairi berjaya merawat 102 pesakit sejak Julai 1998 hingga 2003.

Menarik mengenai kajian yang membabitkan sampel yang dikatakan paling besar di Malaysia dengan kadar kejayaan 100 peratus itu, turut berjaya merawat luka itu dalam tempoh paling singkat iaitu dua minggu.

Dr Anwar berkata, kebanyakan pesakit yang bersetuju menggunakan kaedah rawatan itu ialah mereka yang pernah dirawat secara moden menggunakan  *dressing*  dengan ubat moden

tetapi luka yang dialami masih tidak sembuh.

Katanya, PPUM memperolehi madu lebah asli dari Jabatan Pertanian dan dihantar ke Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear (Mint) untuk rawatan gamma radiasi untuk memastikan bakteria dalam spora musnah.

"Kita hanya tuang madu itu di kawasan luka dan ia akan memenuhi bahagian yang lazimnya tidak boleh memasuki ubat luka kerana ruang dan saluran yang terlalu sempit.

"Kadangkala, kami meneruskan kepada proses kedua pula iaitu merendamkan  *gauze*  dalam madu lebah kemudian melekatkannya pada luka itu dan sebelum menampal kapas dan membalut luka itu.

"Apa yang paling menarik ialah pesakit tidak langsung berasa sakit ketika proses  *dressing*  menggunakan madu, berbanding menggunakan kaedah biasa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Persidangan Antarabangsa Mengenai Penggunaan Madu dalam Bidang Perubatan:

Daripada Sarang ke Terapi, anjuran Universiti Sains Malaysia (USM) yang berlangsung selama tiga hari di Kota Bharu, baru-baru ini.

Sementara itu, Dr Kamaruddin yang sudah menjalankan penyelidikan mengenai madu lebah sejak 20 tahun lalu berkata, manisan itu mempunyai agen yang boleh membunuh bakteria yang dikenali sebagai hidrogen peroksida dan organik antibakteria.

Selain itu, katanya, madu lebah turut mempunyai mikro nutrien seperti garam galian, vitamin dan asid amino yang mampu membina semula tisu yang rosak akibat luka itu. Kaedah ini lebih murah daripada  *dressing*  secara konvensional.

"Saya berikan tiga jenis madu iaitu yang diimport dari Barat, Timur Jauh dan tempatan kepada jururawat untuk digunakan dalam rawatan luka pesakit Jururawat dan pesakit itu tidak tahu madu itu berasal dari mana.

"Apa yang mengejutkan, kami mendapati luka pesakit lebih cepat sembuh menggunakan madu asli tempatan," katanya yang kini berkhid-



**KECEDERAAN pulih selepas diaplikasikan dengan madu lebah.**